



22 APR, 2024

Sorok rokok seludup di belakang kotak mainan

Sinar Harian, Malaysia



Page 1 of 2

Sorok rokok seludup di belakang kotak mainan

Kastam rampas lebih 22 juta batang rokok bernilai RM18.5 juta

Oleh NOR AZURA MD AMIN
JOHOR BAHRU

Taktik sindiket penyeludupan rokok menggunakan permainan plastik bagi mengaburi mata pihak berkuasa berjaya dipatahkan oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM).

Dalam kejadian pada 26 Mac dan 4 April, sepasukan anggota JKDM di Pelabuhan Tanjung Pelepas, Gelang Patah, menemui lebih 22 juta batang rokok tidak berkastam dianggarkan bernilai RM18.5 juta disembunyikan di belakang kotak berisi mainan kanak-kanak.

Timbalan Ketua Pengarah JKDM (Penguatkuasaan dan Pematuhan), Datuk Sazali Mohamad berkata, sindiket ditumpaskan hasil maklumat risikan Ibu Pejabat JKDM dan sitaan dibuat pegawai kastam Cawangan Unit Kawalan Kontena (CCU) Penguatkuasaan Gelang Patah.

Menurut beliau, rampasan pertama dibuat kira-kira jam 1.45 petang, 26 Mac lalu, membabitkan lebih 11



Sazali (dua dari kiri) menunjukkan barang mainan yang digunakan sindiket untuk menyorok rokok seludup dalam sidang akhbar di Menara Kastam Johor pada Ahad.



juta batang rokok tidak berkastam dan 36 kotak berisi mainan plastik kanak-kanak.

Seterusnya, rampasan kedua pada jam 10.50 pagi, 4 April lalu membabitkan lebih 11 juta batang rokok dan 33 kotak berisi mainan plastik kanak-kanak.

“Modus operandi sindiket adalah dengan meletakkan kotak berisi mainan plastik kanak-kanak di bahagian hadapan kontena, sementara rokok seludup pula di belakang kontena.

“Sindiket mengikrarkan rokok ti-

dak berkastam dengan membuat pengikraran tidak benar dalam Borang Kastam 6,” katanya dalam sidang akhbar di Menara Kastam Johor di sini, pada Ahad.

Sazali berkata, siasatan awal mendapati kedua-dua kontena itu dalam perjalanan dari Kemboja ke Mexico.

“Kes ini disiasat mengikut Seksyen 133(1)(a) Akta Kastam 1967 kerana membuat perakuan tidak benar yang membawa hukuman denda tidak lebih RM500,000 atau penjara maksimum tujuh tahun atau kedua-duanya sekali jika sabit kesalahan,” kata beliau.



22 APR, 2024

Sorok rokok seludup di belakang kotak mainan

Sinar Harian, Malaysia



Page 2 of 2

SUMMARIES

Sazali (dua dari kiri) menunjukkan barang mainan yang digunakan sindiket untuk menyorok rokok seludup dalam sidang akhbar di Menara Kastam Johor pada Ahad.

Kastam rampas lebih 22 juta batang rokok bernilai RM18.5 juta

Taktik sindiket penyeludupan rokok menggunakan permainan plastik bagi mengaburi mata pihak berkuasa berjaya dipatahkan oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM).